

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SEU 319 - Pemikiran Ekonomi Islam

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT (4) soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

Soalan 1

- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah saintifik? Sejauhmanakah kaedah ini boleh digunakan di dalam kajian ekonomi Islam?
- [b] Kemukakan cadangan-cadangan jika ada bagi melengkapi kaedah saintifik apabila hendak digunakan di dalam kajian ekonomi Islam. Berikan alasan-alasan kenapa cadangan itu anda kemukakan atau kenapa tiada cadangan.

(100 Markah)

Soalan 2

"Apakah", "bagaimanakah" dan "untuk siapakah" barang harus dikeluarkan, adalah tiga masalah ekonomi pokok dihadapi oleh mana-mana masyarakat. Kemukakan suatu huraian bagi menerangkan cara mana prinsip-prinsip usul-ul-fiqh boleh digunakan bagi menyelesaikan tiga masalah tersebut. Di dalam huraian itu anda hendaklah juga takrifkan usul-ul-fiqh dan nyatakan prinsip-prinsipnya.

(100 Markah)

Soalan 3

Huraikan pemikiran oleh pemikir-pemikir berhubung dengan teori ekonomi (Islam) berikut. Pilih mana-mana dua sahaja.

- [i] Teori keperluan dan kebajikan pengguna oleh al-Ghazali dan al-Shatibi.
- [ii] Teori harga adil oleh Ibn-Taimiyah.
- [iii] Tanggungjawab pemerintah dalam ekonomi oleh Abu Yusof.

Soalan 4

Pilih mana-mana satu yang berikut dan terangkan dengan lengkap.

- (i) Perlakuan pengeluar muslim terhadap teori keuntungan firma.
- (ii) Perlakuan pengguna muslim terhadap teori utiliti (nilai faedah) penggunaan.
- (iii) Perlakuan pemilik harta muslim terhadap teori pengagihan menerusi hukum syarak.

(100 Markah)

Soalan 5

Antara lain Profesor Yusof Qardawi telah mengemukakan rasional mewajibkan zakat pendapatan. Kemukakan satu perbincangan yang menyokong penguatkuasaan zakat pendapatan di Malaysia. Cadangkan juga tindakan-tindakan keselarasan dengan cukai pendapatan.

(100 Markah)

Soalan 6

Satu masalah utama yang dihadapi oleh muslim di dalam kegiatan ekonomi hari ini ialah riba. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad dalam bagi mengatasi masalah tersebut apabila berurusan dengan

- [i] berbagai jenis simpanan oleh pelanggannya,
- [ii] permohonan pinjaman oleh pelanggan bagi membiayai projek pelaburan utama,
- [iii] permohonan pinjaman oleh pelanggan bagi membeli sebuah rumah.

Huraikan dengan terperinci pelaksanaan kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas.

(100 Markah)

Soalan 7

Bincangkan perbezaan sistem ekonomi Islam dan sistem ekonomi kapitalis dengan mengkaji aspek-aspek asas mikroekonomi dan asas falsafah mereka.

(100 Markah)